

Jangan biar nafsu rosakkan Umno

37

# PM: Pemimpin hamba rakyat

**IPOH, Jumaat — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan orang Umno yang cuba memecahbelahkan ahli sebagai pengkhianat bangsa dan parti.**

Katanya tindak-tanduk mereka itu akan menghancurkan orang Melayu dan Umno kerana kekuatan bangsa Melayu jelas terletak kepada perpaduan dalam parti.

Beliau menyeru ahli-ahli parti supaya mengembalikan semangat ketika menentang Malayan Union demi perpaduan dan masa depan Umno.

"Semangat dan perpaduan seperti itu tanpa mengira kedaerahan adalah asas kekuatan, sehingga British mengalah dan seterusnya memberi laluan kepada kita mencapai kemerdekaan," katanya.

## Jangan berkelompok

"Semangat dan kekuatan Umno yang ditunjukkan oleh orang Melayu menyebabkan kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 iaitu dua tahun lebih awal daripada yang dirancang.

"Maka jelaslah kekuatan orang Melayu hanyalah pada Umno yang dibentuk bagi menyatupadukan bangsa Melayu untuk menjamin ia tidak pupus," tegasnya.

Berucap ketika merasmikan Bangunan Maju Umno di sini petang ini, beliau meminta orang Melayu supaya jangan hidup berkelompok-kelompok kerana ia akan membawa kelemahan dan kejatuhan seperti yang pernah dialami.

Beliau berkata walaupun kini orang Melayu sudah maju, sudah ada jutawan, profesional seperti peguam, doktor, jurutera dan arkitek, tetapi semuanya itu tidak ada gunanya jika tidak ada perpaduan.

"Tidak dapat dinafikan bahawa kekuatan orang Melayu terletak kepada perpaduan, jika tidak ada perpaduan tidak ada kekuatan dan jika tidak ada kekuatan, orang Melayu tidak akan dihormati kerana kita gagal meneruskan hasrat dan cita-cita bangsa Melayu," tegasnya.

Perdana Menteri mengingatkan, bahawa pemimpin-pemimpin parti adalah 'hamba' dan bukannya tuan kepada parti.

Untuk itu mereka perlu bekerja keras bagi menjamin cita-cita dan aspirasi orang Melayu tercapai.

Katanya ikutlah cara pemimpin-pemimpin Umno dahulu yang naik kerana ingin berkhidmat sehingga sanggup mengeluarkan wang saku sendiri untuk menentukan orang Melayu bersatu.

Beliau menambah, memimpin Umno ketika itu tidak memperolehi sebarang keuntungan peribadi, kecuali dihormati sehingga bangsa-bangsa lain di negara ini turut menghormati dan bersama dengan Umno.

"Memimpin Umno ketika itu hanyalah sebagai satu tanggungjawab atau khidmat dan ciri-ciri inilah yang perlu dikekalkan selama-lamanya," tegasnya.

Beliau tidak mahu ahli-ahli menjadikan ja-

● MUKA 2 RUANG 10

# Pemecah ahli khianati partii, kata PM

● DARI MUKA +

watan parti semata-mata untuk naik pangkat atau memperoleh kuasa kerana ia sudah terke luar daripada lunas-lunas perjuangan parti.

"Dalam Umno, perpaduan ahli penting sedangkan pemimpin hanya mewakili mereka untuk meluahkan kehendak dan perjuangan parti," jelasnya.

Beliau berkata untuk mencapai perpaduan, ahli-ahli perlulah ada rasa kasih sayang kepada Umno dan bukan memporak-perandakan ahli-ahlinya.

Katanya Umno adalah umpama payung kepada orang Melayu untuk berteduh dan janganlah ia dikoyak-koyakkan semata-mata kerana nafsu dan kepentingan diri.

Datuk Seri Dr Mahathir menyelar pemimpin-pemimpin yang satu masa dahulu duduk semeja mengatur strategi dan pembangunan negara, tetapi kini mengutuk dan mengecamnya semula.

Beliau bertanya: Kenapakah isu-isu yang dipertahankan ketika pilihanraya hingga membawa Umno dan Barisan Nasional mencapai kejayaan, kini dipertikaikan pula?

"Kenapa ketika pilihanraya, Jambatan Pulau Pinang itu elok, tetapi kini tak elok?"

"Kenapa bila kita 'untung' semua yang dibuat elok. Tetapi bila 'rugii' semuanya tidak elok."

"Tidak ada sebab lain kecuali ada perebutan dalam parti hingga mereka sanggup mengecam dasar dan strategi yang sama-sama dipersetujui," katanya.

Pilihanraya membuktikan perpaduan dan ketuhanan orang Melayu tidak ada tolok bandingannya kerana Umno memenangi semua kerusi yang dipertandingkan, kecuali Labuan, maka perpaduan itulah perlu diteruskan.

Beliau mengingatkan bahawa ahli-ahli memperoleh Umno dengan percuma daripada bekas-bekas pemimpin yang bertungkus-lumus untuk menegakkan bangsa, maka ia perlu dipelihara supaya "kita dapat menyerahkannya kepada generasi yang akan datang dalam keadaan sempurna."

Perdana Menteri juga tidak menafikan pertandingan yang wujud dalam pemilihan pemimpin parti berlandaskan konsep demokrasi.

"Tetapi demokrasi yang kita amalkan berlainan dengan negara-negara Barat atau Amerika Syarikat, kerana kita perlu menyelitikan unsur-unsur ke-Melayuan iaitu tradisi bangsa mestilah dikekalkan," katanya.

Oleh itu, tegasnya, orang Melayu perlu mengekalkan kesopanan kerana "kita adalah bangsa yang penuh beradab."